

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ،

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

سيدنا ومولانا وحبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين ،

رب اشرح لي صدري ويسر لي أمري واحلل عقدة من

لساني يفقهوا قولي



PENTAHQIQAN MANUSKRIP: TINJAUAN AWAL TERHADAP MANUSKRIP-MANUSKRIP BPIS

Rosle bin Haji Jumat
Ketua Urusetia Fatwa
Jabatan Mufti Kerajaan

Pengenalan



Manuskrip adalah kitab-kitab lama yang masih belum dicetak yang terdapat dalam seluruh bidang keilmuan, sebagai warisan pemikiran dan kebudayaan bangsa dan negara dari zaman silam.

Manakala perkataan “*tahqiq*” pula berasal daripada bahasa Arab *haqqaqa* yang bermaksud “membenarkan” atau “mengukuhkan”. Tahqiq adalah suatu istilah baru diguna yang bermaksud usaha gigih dalam memelihara manuskrip dengan pemeliharaan khusus hingga dapat dipastikan kesempurnaan manuskrip itu mengikut syarat-syarat tertentu.

Manuskrip dan *tahqiq* adalah ibarat dua perkataan sinonim yang tidak dapat dipisahkan. Justeru keduanya saling bantu membantu dalam menyebarkan ilmu yang terkandung dalamnya.

Proses *Tahqiq* Manuskrip



Proses *tahqiq* terhadap sebuah manuskrip akan melalui 4 tahap, iaitu:

- a. *Tahqiq* judul.
- b. *Tahqiq* nama pengarang.
- c. *Tahqiq* kebenaran naskhah.
- d. *Tahqiq matn* naskhah.

TUJUAN DAN KEPENTINGAN *TAHQIQ*



- i) Memahami sejauh mana perkembangan suatu bangsa melalui sasteranya, baik tulisan mahupun lisan.
- ii) Memahami makna dan fungsi teks bagi masyarakat penciptanya/penulisnya.
- iii) Mengungkapkan nilai-nilai budaya lama sebagai alternatif pengembangan kebudayaan.
- iv) Menyunting sebuah teks yang dipandang dekat dengan teks aslinya.
- v) Mengungkapkan sejarah terjadinya teks dan sejarah perkembangannya.
- vi) Mengungkapkan persepsi pembaca pada setiap kurun/zaman penerimaannya.

MANHAJ TAHQIQ



- i. *Manhaj* Objektif: Mencari kesamaan antara naskhah dengan membandingkan kesalahan setiap naskhah untuk mendapatkan naskhah yang paling mendekati tulisan asli.
- ii. *Manhaj* Subjektif: Menggunakan cara intuitif dengan cara mengambil naskhah yang paling awal ditulis.
- iii. *Manhaj* Induk: Menetapkan naskhah yang dianggap paling unggul kualitasnya di antara semua variannya, dilihat dari bacaan paling baik, tulisan paling jelas, untuk dijadikan dasar tahqiq.

MANHAJ TAHQIQ (*sambungan*)



- iv. Manhaj Gabungan: Menentukan gabungan bacaan dari semua naskhah ketika perbezaan yang ada dalam naskhah tidak terlalu signifikan berdasarkan tujuan bahawa teks yang ditampilkan adalah yang terbaik.
- v. Manhaj Edisi Naskhah Tunggal: Digunakan apabila hanya terdapat satu naskhah sahaja, dan ditempuh dengan dua cara;
 - a) Edisi Diplomatik: Menampilkan naskhah apa adanya tanpa mengadakan perubahan apapun.
 - b) Edisi Kritik: Menerbitkan naskhah dengan membetulkan kesalahan bacaan, ketidaksesuaian ejaan, pengelompokan bahasan, serta memberikan komen untuk pembenaran naskhah tersebut.

MANUSKRIP-MANUSKRIP BPIS



Sebanyak 1017 naskhah kitab manuskrip tersimpan di dalam Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan 12 naskhah lagi berupa kepingan atau lembaran manuskrip berasingan. Manuskrip-manuskrip ini ditulis dalam 3 bahasa iaitu, bahasa Arab, Parsi dan Melayu. Manuskrip dalam bahasa Arab adalah yang terbanyak sejumlah 671 naskhah, manuskrip dalam bahasa Parsi pula berjumlah 306 dan dalam bahasa Melayu berjumlah 40 naskhah semuanya.

MANUSKRIP BPIS YANG SUDAH DIKAJI



- Manuskrip Bahasa Arab:

1. *Ihya' 'Ulum ad-Din.*
2. *Dala'il al-Khairat.*
3. *Fatawa 'Alam Giri.*
4. *Masyariq al-Anwar an-Nabawiyah min Shurah 'Akhbar al-Mushthafawiyah.*
5. *Mufaraqah al-'Azhar fi Syarh Masyariq al-Anwar.*
6. *Kautsar an-Nabi.*
6. *Tajrid al-Ushul fi 'Ahadits ar-Rasul.*
7. *Thariqat Maulana Mahmud Hasan Deobandi 'ala al-Jami' at-Tirmidzi.*
8. *Sanad fi Riwayat al-Hadits.*
9. *Lubb al-Lubab fi 'Ilm al-Hadits.*
10. *Syarh al-'Arba'in.*

Manuskrip Bahasa Melayu/Jawi:



- 1. Shirath al-Mustaqim.*
- 2. Bidayah al-Hidayah.*
- 3. 'Umdah al-Muhtajin.*
- 4. Hukum Qanun Brunei.*

PROGRAM PENGURUSAN BPIS



1. Pengesanan.
2. Perolehan.
3. Pembelian.
4. Pendokumentasian.
5. Keselamatan dan Penyimpanan.
6. Pemuliharaan.
7. Reprografi.
8. Penyelidikan.
9. Pameran.

Program Yang Belum Terlaksana



1. Pendokumentasian.
2. Reprografi.
3. Penyelidikan.

SEKIAN

TERIMA KASIH



والله أعلم بالصواب